



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2025

**Indeks Volum Perkhidmatan meningkat 5.0 peratus
pada suku tahun kedua 2025**

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2025 – Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus tahun ke tahun pada suku tahun kedua 2025, mencapai 159.9 mata. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Kedua 2025**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi Indeks Volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh pertumbuhan segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan dengan peningkatan sebanyak 5.0 peratus, diikuti oleh segmen Perkhidmatan perniagaan dan

kewangan (4.2%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (5.4%) dan segmen Perkhidmatan lain (7.7%).”

Indeks volum bagi segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan mencatatkan peningkatan sebanyak 5.0 peratus kepada 160.2 mata, didorong oleh pertumbuhan dalam Perdagangan borong & runcit (4.3%), Makanan & minuman (7.3%) dan Penginapan (13.6%). Mengulas lanjut mengenai perdagangan borong & runcit, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, “Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat sebanyak 6.2 peratus kepada 149.7 mata. Ini diikuti oleh Perdagangan runcit dengan 3.7 peratus dan Kenderaan bermotor dengan 0.2 peratus.”

Sementara itu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan indeks volum 150.9 mata dengan pertumbuhan 4.2 peratus. Peningkatan ini didorong oleh Kewangan & insurans (1.3%), diikuti oleh Profesional dan Pentadbiran & khidmat sokongan (7.6%), dan Hartanah (9.4%). Prestasi subsektor Hartanah kekal kukuh, didorong oleh aktiviti pembangunan kediaman dan bukan kediaman.

Pada masa yang sama, segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 5.4 peratus untuk mencatatkan 176.9 mata. Peningkatan ini disumbangkan oleh Maklumat & komunikasi (3.4%) dan Pengangkutan & penyimpanan (8.4%).

Seterusnya, segmen Perkhidmatan lain meningkat 7.7 peratus untuk merekodkan 136.6 mata, didorong oleh peningkatan dalam Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (8.9%), Pendidikan swasta (4.9%) dan Kesihatan swasta (9.2%). Subsektor Kesihatan swasta terus mencatat permintaan yang stabil, dengan pertumbuhan dalam perkhidmatan perubatan swasta dan penawaran kesihatan, sekali gus menyokong prestasi keseluruhan segmen ini.

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan meningkat sebanyak 1.1 peratus pada suku kedua 2025. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (1.8%), Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.3%) dan Perkhidmatan lain (2.8%). Namun begitu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan penurunan sebanyak 0.9 peratus."

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan "Indeks Volum pelarasan musim turun sebanyak 0.9 peratus berbanding suku tahun pertama 2025. Penurunan ini didorong oleh segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan dengan 11.7 peratus. Namun begitu, segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2 peratus, diikuti oleh segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.6%), dan segmen Perkhidmatan lain (5.2%)."

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Tahun	ST1	ST2	ST3	ST4
2019	~100	~100	~100	~100
2020	~100	~5.0	~100	~100
2021	~100	~159.9	~100	~100
2022	~100	~100	~100	~100
2023	~100	~100	~100	~100
2024	~100	~100	~100	~100
2025	~100	~100	~100	~100

Tahun	Sektor	Mata Indeks (Estimasi)	Peratus Perubahan (%)
2019	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.2	1.2
	ST3	1.3	1.3
	ST4	1.3	1.3
2020	ST1	1.2	1.2
	ST2	0.8	0.8
	ST3	1.5	1.5
	ST4	1.2	1.2
2021	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.1	1.1
	ST3	1.2	1.2
	ST4	1.3	1.3
2022	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.2	1.2
	ST3	1.2	1.2
	ST4	1.2	1.2
2023	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.1	1.1
	ST3	1.2	1.2
	ST4	1.2	1.2
2024	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.2	1.2
	ST3	1.2	1.2
	ST4	1.2	1.2
2025	ST1	1.2	1.2
	ST2	1.3	1.1

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA
8 OGOS 2025